

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 23 OKTOBER 2017
SOALAN : 39

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kematian di Unit forensik, Hospital Raja Perempuan Zainab II, dan Unit forensik HUSM dari Daerah Bachok menurut kategori tahun, sejak 2010. Apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi memastikan penduduk Bachok mendapat kemudahan rawatan kecemasan yang segera, sebelum siapnya Hospital Bachok.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM mengumpul data kematian mengikut punca kematian dan bukan mengikut daerah rujukan.

Jumlah kematian di Jabatan Forensik, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu sejak tahun 2010 hingga September 2017 adalah

sebanyak 15,711 kematian. Sebab-sebab kematian adalah termasuk kemalangan (*accidental*), kematian biasa (*natural death*), bunuh diri (*suicide*) dan pembunuhan (*homicide*).

Jumlah kematian di HRPZ II dari tahun 2010 - September 2017

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Sept 2017
Jumlah	2046	1909	1862	1897	1948	2097	2163	1789

Di Daerah Bachok terdapat 8 buah Klinik Kesihatan dan 2 Klinik Desa yang dinaikkan taraf kepada Klinik Kesihatan manakala Klinik Kesihatan Bachok menyediakan perkhidmatan *extended hours* hingga jam 9.00 malam. Ini adalah untuk memberi kemudahan kepada penduduk Bachok mendapatkan rawatan kecemasan dengan kadar yang segera. Di samping itu Hospital Universiti Sains Malaysia yang terletak 11 km dari Klinik Kesihatan Bachok turut menyediakan perkhidmatan kecemasan bagi penduduk sekitar Daerah Bachok.